

07 APR 2000

IKS-LOGISTICS/I

SKIM SMILE UNTUK BEKAL LOGISTIK DAN PEMBIAYAAN KEPADA IKS

SUBANG, 7 April (Bernama) -- Konsortium Logistik Bhd (Konsortium) hari ini melancarkan skimnya, SMI Logistics Enterprise (SMILE) bagi membekal logistik dan bantuan pembiayaan kepada industri-industri kecil dan sederhana (IKS) sejajar dengan seruan kerajaan untuk membantu pertumbuhan IKS.

Melalui penggabungan strategik dengan Multi-Purpose Bank Bhd, Konsortium akan menyokong pertumbuhan IKS dengan membekalkan keupayaan logistik canggih yang penting dan mengadakan kemudahan-kemudahan pembiayaan khas yang akan membantu mengurangkan kos barangan bagi IKS.

Melancarkan skim itu, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik memuji skim SMILE kerana menjadi yang pertama seumpamanya dalam sektor logistik yang proaktif dalam menawarkan perkhidmatan kepada IKS.

"Skim ini membantu bukan sahaja menyokong pertumbuhan IKS dengan keupayaan logistik yang penuh dan perkhidmatan bermutu tinggi tetapi juga menawarkan pembiayaan IKS yang diberi subsidi melalui perkongsian mereka dengan Multi-Purpose Bank," katanya.

Beliau berkata peruntukan keupayaan dan kemudahan itu akan membolehkan IKS menumpukan sepenuhnya kepada perniagaan utama mereka sementara Konsortium dan Multi-Purpose Bank akan menguruskan logistik dan pembiayaan.

"Perkongsian bestari seumpama itu akan mempertingkatkan perkembangan IKS dan berikutnya meningkatkan sumbangan mereka kepada ekonomi," katanya, sambil menambah bahawa logistik adalah tulang belakang IKS kerana tanpa perkhidmatan logistik yang baik, eksport tidak mungkin terlaksana.

Memetik Kajian Tahunan 1992 Industri Perkilangan, katanya IKS merupakan 84 peratus daripada keseluruhan syarikat pembuatan. Bagaimanapun, sumbangannya kepada seluruh nilai ditambah dan gunatenaga adalah cuma 28 peratus dan 33 peratus, masing-masing.

Ling berkata, mengiktiraf kepentingan yang bertambah IKS kepada ekonomi, kerajaan telah menerima pakai satu strategi serampang dua mata - yang pertama menggalakkan kecekapan pengeluaran sambil yang satu lagi menyatukan, memperkukuh dan meluaskan capaian program-program IKS sedia ada.

"Ini termasuk memupuk usahawan-usahawan dan syarikat-syarikat melalui latihan, mengadakan peluang-peluang perniagaan, dan juga prasarana pembiayaan dan sokongan," katanya.

Pengerusi eksekutif dan presiden Konsortium, Mirzan Mahathir berkata, tujuan skim SMILE adalah untuk menjadikan IKS berdaya saing dengan membantu mereka menguruskan barangan mereka lebih baik dengan itu membolehkan mereka menambah pesanan dan dengan itu memberikan Konsortium lebih banyak urusaniaga.

Katanya melalui skim itu, IKS yang kini menjadi pelanggan Konsortium, akan memperolehi kemudahan modal kerja pada kadar yang menarik melalui Multi-Purpose Bank.

Mirzan berkata sebagai pembekal perkhidmatan logistik dengan pengalaman bertahun-tahun, dalam menggerakkan barangan untuk sekumpulan pelbagai pelanggan, Konsortium adalah berkedudukan unik untuk memajukan IKS.

Mengenai skim pembiayaan, ketua pengarah eksekutif Multi-Purpose Bank, Ng Siek Chuan, berkata IKS yang layak tidak perlu membayar lebih tinggi daripada lima peratus ke atas kadar faedah berbanding dengan kadar faedah pinjaman IKS biasa enam peratus.

"Kami mampu menawarkan pakej pembiayaan IKS yang berharga jauh di bawah

kadar berian pinjaman asas institusi-institusi kewangan," katanya sambil menambah bahawa tujuannya ialah bagi syarikat IKS bergabung dengan Konsortium sebagai rakan kongsi niaga.

Ng berkata kadar pembiayaan adalah daripada RM200,000 hingga RM1.5 juta setiap pelanggan dan ia tidak memerlukan sebarang cagaran ketara.

Pada acara yang sama, Konsortium turun menanda tangani perjanjian jual-beli dengan Volvo Malaysia Sdn Bhd untuk membeli 75 unit FM10 baru mereka dan 15 unit kepala lori FL7 bernilai sejumlah RM22 juta.

Kelapa-kepala lori itu akan digunakan oleh operasi pengangkutan dan trak mereka untuk mempertingkatkan perkhidmatan di seluruh Semenanjung Malaysia.

-- BERNAMA

MNY KTC OS